

→ SASTERA & BUDAYA

Karya sastera buka wacana kritikan, beri ruang bersuara

→ Kumpulan cerpen *Menjelang Pemilihan* tampilkan sudut pandangan kanak-kanak

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

▀ Serdang

Karya sastera wajar membuka wacana yang mengkritik dan menilai kepemimpinan, sekali gus menyediakan ruang kepada kelompok marginal atau pinggiran untuk bersuara.

Peranan itu dapat dilihat dalam kumpulan cerpen *Menjelang Pemilihan* karya Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Zurinah Hassan yang menyediakan ruang wacana mewakili kelompok marginal yang mempunyai keinginan untuk mengkritik pemimpin yang tidak adil.

Penerima Hadiah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2010, Zainal Palit atau lebih dikenali sebagai Zaen Kasturi, berkata keinginan

(FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH)

Zurinah ketika menyampaikan ucapan pada program Wacana Sasterawan Negara di Dewan Za'ba, UPM.

melawan itu bukan dilakukan tanpa sebab sebaliknya berdasarkan tekad pengarang yang mahu kehidupan semasa dicorak dengan betul untuk kepentingan masa depan.

“Orang yang hanya akur kepada keadaan semasa, tidak akan disukai dan dicontohi kerana mereka tidak berupaya menghasilkan pemikiran yang bermanfaat.

“Kumpulan cerpen *Menjelang Pemilihan* menunjukkan bagaimana pengarangnya tidak langsung tertarik dengan undang-undang atau peraturan sedia ada.

“Ini kerana pengarang mahu merubah pandangan kita terhadap sesuatu yang biasa dilihat kerana beliau tidak berasa perlu untuk berada dalam arus pemikiran orang lain,” katanya pada Wacana Sasterawan Negara di Dewan Za'ba, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Yang turut hadir Zurinah dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM, Prof Madya Dr Arbaie Sujud serta Dr Halis Azhan Mohd Hanafiah.

Zaen Kasturi berkata, pengarang dalam naskhah itu juga memberitahu tidak perlu patuh kepada pemimpin yang tidak adil jika mereka salah.

“Ini kerana bagi pengarang, menjadi satu kesalahan untuk berbuat demikian, sekali gus tidak menampilkan sikap demokratik,” katanya. Zaen Kasturi berkata, dalam cer-




Kumpulan cerpen *Menjelang Pemilihan* menunjukkan bagaimana pengarangnya tidak langsung tertarik dengan undang-undang atau peraturan sedia ada. Pengarang mahu merubah pandangan kita terhadap sesuatu yang biasa dilihat”

Zaen Kasturi,
Penerima Hadiah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2010

Kumpulan Cerpen

Sasterawan Negara
Zurinah Hassan



Kumpulan cerpen
Menjelang Pemilihan
karya Zurinah Hassan.

pen *Menjelang Pemilihan* yang menjadi judul naskhah itu, pengarangnya mengambil sudut pandang masyarakat yang sering tidak diendahkan.

Jadi ikutan dan pegangan

“Pengarang bercerita mengenai isu pilihan raya tetapi ia berdasarkan kaca mata kanak-kanak, sekali gus menjadi sesuatu yang sering di-remehkan sebelum ini.

“Ia bertepatan dengan tanggungjawab pemimpin yang dipilih dalam pilihan raya, bukan saja memikirkan generasi mereka sebaliknya generasi selepas itu,” katanya.

Pada masa sama, Zaen Kasturi juga menyebut karya Zurinah berpotensi menjadi ikutan dan pegangan dalam hidup sama ada secara bertulis atau tidak.

Beliau berkata, masyarakat tidak boleh menyisihkan sasterawan atau meninggalkan pembacaan karya mereka.

“Karya pengarang meskipun bercakap mengenai diri sendiri tetapi ia pastinya mewakili masyarakat.

“Pengkaji perlu memastikan tulisan sasterawan di negara ini terus digali dan dijadikan peraturan dalam beberapa aspek kehidupan.